


# Menangani isu pembangunan tanah tinggi



AZMI...pengerusikan mesyuarat

4-METRO  
1/11/06

**K**EJADIAN tanah runtuh di kawasan empat blok flet di Seksyen 10, Wangsa Maju, Kuala Lumpur yang membabitkan kira-kira 600 penduduk baru-baru ini mendapat perhatian semua pihak, khususnya kerajaan.

Berikutan itu, pelbagai langkah segera diambil bagi memastikan penduduk mendapat bantuan terutama sepanjang Ramadan dan menjelang Aidilfitri.


Kejadian itu mengundang pelbagai pendapat termasuk pakar dan penyelidik tanah runtuh dari pusat pengajian tinggi.

Kita percaya semua pendapat yang diberikan itu amat berguna dan boleh dijadikan garis panduan dalam menangani kejadian tanah runtuh atau tanah mendap yang berlaku, khususnya di Wangsa Maju.

Penulis ingin menjurus sedikit tumpuan kepada usaha yang sedang diambil kerajaan untuk menangani persoalan tanah runtuh di seluruh negara secara jangka panjang.

Kejadian tanah runtuh yang sering berlaku sejak beberapa tahun lalu menyebabkan kerajaan mengambil langkah proaktif menangani masalah itu secara menyeluruh.

Selain menerima pandangan pihak berkaitan, termasuk pakar serta ilmuwan dalam bidang berkenaan, kerajaan turut mengambil tindakan menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani permasalahan itu.



MALANG...kejadian tanah runtuh di Wangsa Maju membabitkan 600 penduduk.

Hal itu boleh diketahui daripada pengumuman yang dibuat baru-baru ini mengenai usaha terbaru pihak berkuasa untuk menangani pembangunan di kawasan ta-

nah tinggi.

Pada 5 Oktober lalu misalnya, satu mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Penyelaras Pembangunan Tanah Tinggi dan Pulau-Pu-

lau diadakan di Putrajaya bagi menangani persoalan itu secara bersepadu.

Mesyuarat itu yang dipengerusikan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk

**Kejadian tanah runtuh yang sering berlaku sejak beberapa tahun lalu menyebabkan kerajaan mengambil langkah proaktif menangani masalah itu secara menyeluruh. Selain menerima pandangan pihak berkaitan, termasuk pakar serta ilmuwan dalam bidang berkenaan, kerajaan turut mengambil tindakan menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani permasalahan itu**

Seri Azmi Khalid turut hadir mewakili beberapa Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan serta negeri, termasuk Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Utama Muhammad Hassan.

Dalam konteks itu, tujuh negeri bersetuju mengguna pakai Garis Panduan Pembangunan Di Kawasan Tanah Tinggi dalam memproses projek pembangunan di tempat masing-masing.

Di samping itu, beberapa negeri turut mewujudkan jawatankuasa khusus bagi memantau dan menyelaras pembangunan di kawasan tanah tinggi.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa pula sedang menyiapkan Kaedah-Kaedah Kawasan Perancangan (Pembangunan Di Tanah Tinggi dan Lereng Bukit) yang akan menerapkan garis panduan pembangunan di kawasan tanah tinggi bagi memberi kuasa undang-undang kepada garis panduan itu.

Apabila kaedah itu siap kelak, kita percaya, perancangan pembangunan di kawasan tanah tinggi akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan terancang.

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet itu juga menerima pakai tiga laporan kajian:

- Menentukan bentuk pembangunan pulau-pulau,
- Penyediaan profil pulau-pulau

● Status pembangunan pulau-pulau dan impak kepada alam sekitar.

Ketiga-tiga kajian ini sudah dijalankan bagi Pulau Langkawi, Pulau Redang, Pulau Tioman, Pulau Tinggi dan Pulau Sibul.

Ia akan juga dimulakan untuk Pulau Balambangan dan Pulau Mabul di Sabah dan Pulau Patok di Sarawak serta Pulau Pangkor di Perak.

Sementara itu, pihak berkenaan turut memberi perhatian terhadap Kajian Mengenai Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai-Sungai di Cameron Highlands.

Kajian itu mengenal pasti tiga punca pencemaran utama di Cameron Highlands iaitu aktiviti pertanian daripada perbandaran dan kumbahan.

Bagi menangani masalah itu, satu Jawatankuasa Pemandu Program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai-Sungai di Cameron Highlands ditubuhkan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri Pahang pada 20 Jun lalu.

Selain itu, satu kajian menyelaras Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi Bukit Fraser akan dilaksanakan tahun depan bagi mengenal pasti profil tanah tinggi sedia ada, membuat morfologi terrain dan kajian tanah bagi mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk pembangunan di samping mengkaji daya tampungan kawasan tanah tinggi di Bukit Fraser.

Jawatankuasa itu memberi perhatian kepada projek ladang contoh yang dilaksanakan di Stesen Mardi Tanah Rata Cameron Highlands.

Ladang contoh itu bertujuan menunjukkan sistem kawalan hakisan dan kelodak serta menggalakkan penggunaan sumber air hujan bagi ladang yang menggunakan rumah perlindungan hujan untuk perairan.

Ia juga bertujuan menekankan pendedahan secara langsung kepada peladang mengenai kaedah kawalan hakisan dan kelodak sedia ada.